



HERO PARALYMPIC RIO DAPAT **SPORTAGE**

NAZA Corporation Holdings akan menyerahkan model Kia Sportage dan unit kediaman di Trion 888 buat pemenang pingat emas Rio Paralympics 2016. Berita gembira itu diumumkan oleh Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, SM Nasarudin SM Nasimuddin.

SM Nasarudin berkata pihaknya berbangga dengan pencapaian atlet Paralympics yang meraih emas.

"Sebagai sebuah syarikat tempatan, Naza ingin memberi penghargaan kepada hero-hero ini menerusi pemberian residential suite di Trion 888, Equine Park dan Kia Sportage serba baharu setiap seorang," katanya.

Kia Sportage merupakan model global terlaris Kia dan dijual pada harga RM121,888 seunit. Ia didatangkan dengan waranti lima tahun bersama perbatuan tanpa had. Sementara Pangsapuri Trion 888 bernilai RM350,000 itu dibangunkan oleh Naza TTDI Sdn Bhd. Berkeluasan 450 kaki persegi, ia dilengkapi pelbagai kemudahan seperti kolam renang, dewan serba guna, gimnasium, bilik persalinan, lif dan surau. Pembinaannya dijangka siap menjelang akhir tahun depan.

SM Nasarudin baru setahun memegang jawatan selaku Presiden Majlis Paralimpik Malaysia.